

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN “PB PREMIER HIGH YIELD FIXED DEPOSIT”

Kempen “PB Premier High Yield Fixed Deposit” (“Kempen”) ini dilancarkan bersama-sama oleh Public Bank Berhad No. Pendaftaran 196501000672 [6463-H] (“PBB”) dan Public Islamic Bank Berhad No. Pendaftaran 197301001433 [14328-V] (“PIBB”). Terma dan syarat yang berikut mengawal Kempen ini.

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Oktober 2024 hingga 31 Disember 2024**, termasuk kedua-dua tarikh tersebut atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh PBB / PIBB (“Tempoh Kempen”).

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada pelanggan Perbankan Red Carpet (“RCB”) (“Peserta yang Layak”) sahaja.
- 2.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB / PIBB termasuk pusat RCB di Malaysia.
- 2.3 Mereka yang berikut TIDAK layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a) kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, PIBB dan Public Investment Bank Berhad;
 - b) pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
 - c) orang yang tidak waras;
 - d) orang yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadapnya; dan
 - e) orang yang akaunnya yang dipegang dengan PBB dan/atau PIBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB dan/atau PIBB.

3. Mekanisme Kempen

3.1 Produk yang Layak di bawah Kempen ini disenaraikan di bawah:

- a) Dana Unit Amanah Ekuiti (“UA”) / Berimbang/ Aset Campuran Siri PB; atau
- b) PB Smart Link / PB Smart Elite / PB Signature Legacy (Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan Premium Tunggal) (“Insurans”) yang ditaja jamin oleh AIA Berhad; atau
- c) PB ExcelLink-i (Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan Caruman Tunggal Patuh Syariah) (“Takaful”) yang ditaja jamin oleh AIA PUBLIC Takaful Berhad.

UA, Insurans dan Takaful secara kolektif dirujuk sebagai “Produk yang Layak”.

3.2 Semasa Tempoh Kempen, Peserta yang Layak layak untuk mendapat kadar faedah / keuntungan promosi bagi peletakan deposit di bawah Deposit Tetap PLUS (“FD PLUS”) (Konvensional) atau Deposit Bertempoh-i (Islam) (“DB-i”) seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran I** sekiranya mereka memenuhi kesemua kriteria yang berikut:

- a) berjaya melabur / membeli / mencarum apa-apa Produk yang Layak dengan amaun pelaburan minimum seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah; dan
- b) meletakkan deposit minimum FD PLUS atau DB-i seperti jadual di bawah dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh pelaburan / pembelian / caruman Produk yang Layak.

Produk yang Layak - PB Signature Legacy

Nisbah Insurans (PB Signature Legacy) : FD PLUS	Amaun Minimum (RM)		
	Insurans (PB Signature Legacy)	FD PLUS	Jumlah
2 : 1	200,000	100,000	300,000
5 : 1	250,000	50,000	300,000

Produk Lain yang Layak (selain PB Signature Legacy)

Nisbah UA / Insurans / Takaful : FD PLUS / DB-i	Amaun Minimum (RM)		
	UA / Insurans / Takaful	FD PLUS /DB-i	Jumlah
2 : 1	100,000	50,000	150,000
5 : 1	250,000	50,000	300,000

FD PLUS dan DB-i dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

- 3.3 Bagi mengelakkan keraguan, amaun yang perlu diletakkan di bawah FD PLUS atau DB-i adalah berdasarkan nisbah amaun UA / Insurans / Takaful bagi Produk yang Layak berbanding dengan peletakan FD PLUS atau DB-i yang sama ada nisbahnya adalah 2:1 atau 5:1 seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1, tertakluk pada amaun minimum sebanyak RM50,000.

Ilustrasi yang berikut diterima pakai bagi PB Signature Legacy memandangkan premium tunggal minimum bagi PB Signature Legacy ialah RM200,000.

Ilustrasi (1)

Sekiranya Peserta yang Layak membeli PB Signature Legacy bagi amaun premium sebanyak RM200,000, Peserta yang Layak hanya layak untuk meletakkan RM100,000 di bawah FD PLUS berdasarkan nisbah 2:1. Peserta yang Layak tidak boleh meletakkan FD PLUS berdasarkan nisbah 5:1 memandangkan amaun FD PLUS yang setara ialah RM40,000 dan justeru itu tidak mencapai amaun peletakan minimum seperti yang dinyatakan dalam Fasal 3.3.

Ilustrasi (2)

Sekiranya Peserta yang Layak membeli PB Signature Legacy bagi amaun premium sebanyak RM250,000, Peserta yang Layak boleh memilih untuk meletakkan FD PLUS berdasarkan nisbah 2:1 (FD PLUS = RM125,000) atau 5:1 (FD PLUS = RM50,000).

Ilustrasi yang berikut diterima pakai bagi Produk yang Layak lain (selain PB Signature Legacy).

Ilustrasi (1)

Sekiranya Peserta yang Layak melabur/ membeli/ mencarum Produk yang Layak lain (selain PB Signature Legacy) dengan amaun minimum UA/ Insurans /Takaful sebanyak RM100,000, Peserta yang Layak hanya layak untuk meletakkan RM50,000 FD PLUS/ DB-i berdasarkan nisbah 2:1. Peserta yang Layak tidak boleh meletakkan FD PLUS /DB-i berdasarkan nisbah 5:1 memandangkan amaun FD PLUS /DB-i yang setara ialah RM20,000 dan justeru itu tidak mencapai amaun peletakan minimum seperti yang dinyatakan dalam Fasal 3.3.

Ilustrasi 2

Sekiranya Peserta yang Layak melabur / membeli /mencarum Produk yang Layak lain (selain PB Signature Legacy) dengan amaun minimum UA/ Insurans /Takaful sebanyak RM250,000, Peserta yang Layak boleh memilih untuk meletakkan FD PLUS/ DB-i berdasarkan nisbah 2:1 (FD PLUS / DB-i = RM125,000) atau 5:1 (FD PLUS / DB-i = RM50,000).

- 3.4 Peserta yang Layak dikehendaki melabur /membeli /mencarum Produk yang Layak sebelum membuat peletakan deposit tetap di bawah FD PLUS atau DB-i. Pelaburan /pembelian /caruman Produk yang Layak dan peletakan deposit mesti dibuat di cawangan yang sama.
- 3.5 Bagi pemegang akaun bersama, pemegang akaun UA atau pemilik polisi Insurans atau pemilik sijil Takaful yang melabur /membeli /mencarum Produk yang Layak mestilah pemegang akaun FD PLUS / DB-i atau SALAH SEORANG daripada pemegang akaun FD PLUS / DB-i.

Terma Khusus bagi FD PLUS / DB-i

- 3.6 Semua wang atau dana yang diletakkan di bawah FD PLUS / DB-i mestilah dana baharu. “Dana baharu” merujuk apa-apa wang atau dana yang bukannya daripada dana sedia ada dalam akaun deposit Peserta yang Layak sama ada dipegang secara bersendirian atau bersama-sama dengan orang lain dan disenggara dengan PBB atau PIBB. Peserta yang Layak mesti membuat peletakan deposit dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh wang atau dana itu dipindahkan atau dikreditkan dalam akaun Peserta yang Layak, jika tidak wang atau dana itu tidak lagi dianggap sebagai “dana baharu”.
- 3.7 Peletakan DB-i hanya diterima pakai bagi pelaburan dalam Dana Ekuiti /Berimbang/ Aset Campuran Siri PB yang berdasarkan Syariah atau caruman Takaful.
- 3.8 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat peletakan FD PLUS / DB-i dalam resit berganda (dalam amaun dan tempoh peletakan yang sama) dan kesemua peletakan mesti dibuat pada hari yang sama.
- 3.9 Peletakan FD PLUS / DB-i adalah untuk tempoh 3 bulan atau 8 bulan sahaja. Kadar faedah /keuntungan promosi hanya diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. Apabila matang, peletakan FD PLUS / DB-i akan diperbaharui secara automatik bagi tempoh 3 bulan atau 8 bulan pada kadar faedah / keuntungan kaunter semasa PBB / PIBB dengan faedah FD PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan dalam akaun semasa atau simpanan (“CASA / CASA-i”) konvensional / Islam yang ditetapkan milik Peserta yang Layak.
- 3.10 Pemegang akaun untuk FD PLUS / DB-i dan CASA / CASA-i mestilah dalam nama individu yang sama.
- 3.11 Faedah atau keuntungan (mana-mana yang berkenaan) dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.
- 3.12 Apabila matang, faedah FD PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) akan ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan dalam CASA / CASA-i yang ditetapkan milik Peserta yang Layak menurut peraturan pengendalian biasa PBB / PIBB bagi pengkreditan faedah FD PLUS/keuntungan DB-i dalam CASA/ CASA-i.

3.13 Apa-apa peletakan FD PLUS / DB-i yang dibuat di bawah Kempen ini dan dikeluarkan sebelum matang tidak layak untuk mendapat apa juga faedah / keuntungan (mana-mana yang berkenaan).

Keadaan di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan FD PLUS / DB-i diperbaharui.

3.14 Pengeluaran sebahagian peletakan dalam FD PLUS / DB-i **tidak** dibenarkan.

3.15 Semua arahan bagi pengeluaran peletakan FD PLUS / DB-i mesti dibuat dengan memberi arahan bertulis yang jelas dan tepat dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh penandatangan dibenarkan pemegang akaun tersebut berkaitan dengan pengeluaran dan pelupusan deposit berkenaan. PBB dan PIBB berhak untuk menolak / mengelak daripada melaksanakan arahan tersebut sekiranya tandatangan pada dokumen seumpama itu, pada pandangan PBB / PIBB, mengikut mana-mana yang berkenaan, berbeza daripada contoh tandatangan dalam sistem PBB / PIBB. Semua pindaan dalam arahan tersebut hendaklah disahkan dengan tandatangan yang dibenarkan yang mana tandatangan itu hendaklah mengikut contoh tandatangan dalam sistem PBB / PIBB.

3.16 Apa-apa peletakan FD PLUS / DB-i yang dibuat di bawah Kempen ini tidak akan dibenarkan untuk dijadikan cagaran bagi apa-apa overdraf, kemudahan tunai-i, atau kemudahan atau pembiayaan lain.

Terma Khusus bagi UA

3.17 Peserta yang Layak dibenarkan untuk melabur dalam pelbagai dana dengan syarat ia mesti dibuat pada hari yang sama di cawangan yang sama.

3.18 Pelaburan UA yang berikut TIDAK layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:

- a) Tukar ganti daripada dana beban dalam dana yang dinyatakan dalam Fasal 3.1;
- b) Pelaburan yang dibuat menggunakan dana daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
- c) Pelaburan yang dibuat melalui platform dalam talian seperti Public Mutual Online;
- d) Pelaburan dalam Dana e-Siri PB; dan/atau
- e) Pelaburan dalam dana Skim Persaraan Swasta (PRS).

3.19 Peserta yang Layak dianggap tidak memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Fasal 3.2 di atas sekiranya pelaburan dalam UA dibatalkan semasa “tempoh bertenang”. Dalam hal ini, kadar faedah/keuntungan bagi peletakan deposit di bawah FD PLUS / DB-i akan ditukarkan kepada kadar faedah / keuntungan kaunter semasa PBB / PIBB pada tarikh peletakan bagi tempoh FD PLUS / DB-i berkenaan.

3.20 “Tempoh bertenang” merujuk tempoh selama enam (6) hari perniagaan mulai tarikh penerimaan borang permohonan pelaburan oleh dan pembayaran kepada Public Mutual Berhad (“PMB”). Tempoh bertenang itu hanya diterima pakai kepada Peserta yang Layak yang melabur dalam mana-mana UA dengan PMB untuk kali pertama.

3.21 Pelaburan UA juga tertakluk pada terma dan syarat yang dikeluarkan oleh PMB.

Terma Khusus bagi Insurans / Takaful

- 3.22 Peserta yang Layak dianggap tidak memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Fasal 3.2 di atas sekiranya Insurans/Takaful (mana-mana yang berkenaan) dibatalkan semasa “tempoh percubaan”. Dalam hal ini, kadar faedah/keuntungan bagi peletakan deposit di bawah FD PLUS / DB-i akan ditukarkan kepada kadar faedah / keuntungan kaunter semasa PBB/PIBB pada tarikh peletakan bagi tempoh FD PLUS / DB-i berkenaan.
- 3.23 “Tempoh percubaan” merujuk tempoh selama lima belas (15) hari mulai tarikh penerimaan dokumen polisi atau sijil, mengikut keadaan, berkenaan dengan produk Insurans / Takaful, sama ada dalam salinan keras / e-Polisi / e-Sijil oleh Peserta yang Layak.
- 3.24 Pembelian Insurans / caruman Takaful juga tertakluk pada terma dan syarat yang dikeluarkan oleh AIA Berhad atau AIA PUBLIC Takaful Berhad, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Terma Lain

- 3.25 Deposit dalam FD PLUS / DB-i dan pelaburan / pembelian / caruman apa-apa Produk yang Layak di bawah Kempen ini tidak boleh diuntukkan atau digunakan untuk apa-apa kempen atau promosi lain.
- 3.26 Kempen ini tidak sah dengan kempen dan/atau promosi lain yang kini ditawarkan oleh PBB dan/atau PIBB.

4. Terma dan Syarat Am

- 4.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, FD PLUS, DB-i, keahlian RCB dan CASA / CASA-i (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat ini). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, FD PLUS, DB-i, keahlian RCB dan CASA / CASA-i, terma dan syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 4.2 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan PIBB dan keputusan PBB dan PIBB berkaitan dengan apa-apa Fasal mengenai Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB dan PIBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga berkaitan dengan apa-apa Fasal mengenai Kempen ini.

- 4.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan mereka kepada PBB dan PIBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat Peserta Yang Layak berkenaan dengan Produk yang Layak, FD PLUS, DB-i, keahlian RCB dan CASA / CASA-i bagi tujuan Kempen ini.
- 4.4 PBB dan PIBB tidak akan bertanggungjawab mahupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB / PIBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.5 PBB dan PIBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini yang disiarkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- 4.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB dan PIBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengedaran kepada apa-apa yang diterbitkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan apa-apa bahan pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain berkenaan dengan atau berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diterima pakai.
- 4.8 PBB dan PIBB berhak:
 - a) untuk menambah, memotong atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta yang Layak dengan memuat naik dalam laman web PBB / PIBB, mempamerkan notis di cawangan PBB / PIBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB / PIBB dari semasa ke semasa dan pindaan terma dan syarat tersebut akan diterima pakai bagi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam apa-apa bahan promosi lain yang diiklankan dalam Kempen ini;
 - b) untuk membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kempen ini sebelum berakhirnya Kempen ini, sepenuhnya atau sebahagiannya dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta yang Layak dengan memuat naik dalam laman web PBB / PIBB, mempamerkan notis di cawangan PBB / PIBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB / PIBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB / PIBB bagi apa-apa dan semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak sama ada secara langsung atau

tidak langsung berikutan pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut; dan

- c) untuk menyemak semula kadar faedah / keuntungan promosi di bawah Kempen ini dengan memberi notis awal kepada Peserta yang Layak dengan memuat naik dalam laman web PBB / PIBB, mempamerkan notis di cawangan PBB / PIBB atau apa juga kaedah seperti yang ditentukan oleh PBB / PIBB dari semasa ke semasa.

4.9 Terma dan syarat ini akan dikawal oleh dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.

4.10 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaan PBB / PIBB yang menyatakan bagaimana PBB / PIBB menggunakan maklumat Peserta yang Layak dalam laman web PBB / PIBB atau di mana-mana cawangan PBB / PIBB.

4.11 Peserta yang Layak diingatkan agar membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum mengambil bahagian dalam Kempen ini. Sekiranya terdapat terma yang tidak difahami oleh Peserta yang Layak, Peserta yang Layak dinasihatkan agar mendapatkan nasihat bebas dan berbincang lebih lanjut dengan wakil PBB / PIBB.

Ruang Selebihnya pada Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong

Kadar faedah / keuntungan promosi yang ditawarkan di bawah Kempen “PB Premier High Yield Fixed Deposit” adalah seperti yang berikut:

Amaun FD PLUS / DB-i (RM)	Kadar Faedah / Keuntungan Promosi (% setahun)			
	Nisbah UA / Insurans / Takaful : FD PLUS / DB-i (2 : 1)		Nisbah UA / Insurans / Takaful : FD PLUS / DB-i (5 : 1)	
	3 Bulan	8 Bulan	3 Bulan	8 Bulan
50,000 hingga kurang daripada 300,000	6.15	4.45	12.95	7.00
300,000 dan ke atas	7.75	5.05	16.95	8.50